Arahan: *Jawab* **semua** *soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan* **satu** *soalan Bahagian D.*

BAHAGIAN A

[25 *markah*]

1 *Dalam petikan di bawah ini, terdapat* **empat kesalahan bahasa**. **Gariskan empat kesalahan bahasa** *tersebut dan* **tulis jawapan** *yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang berkenan untuk mencemar duli melawat mangsa banjir di beberapa kawasan pendalaman. Dalam lawatan itu, baginda berucap agar pihak berkuasa tempatan membantu semua mangsa-mangsa banjir yang menderita akibat dilanda musibah dengan segera. Baginda yakin bahawa bantuan yang dihulurkan kepada mangsa banjir akan dapat mengurangkan beban yang sedang mereka tanggung. Sebelum berangkat pulang, baginda sempat beramah mesra dengan mangsa banjir. Lawatan ini jelas menunjukkan sikap baginda yang amat prihatin sekali kepada nasib rakyat negeri Pahang.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(iv) _____

[8 *markah*]

2 *Dalam setiap ayat di bawah terdapat* **satu kesalahan ejaan**. *Kenal pasti kesalahan tersebut dan* **tulis** *ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Kemudahan di stesen keretapi di negara kita sedang dinaik taraf untuk memberikan keselesaan kepada pelancong domestik dan luar negara.

_____

LIVEWORKSHEETS

(ii) Manuskrip, tulang belulang manusia pra-sejarah dan artifak merupakan sumber sejarah yang sangat berharga bagi seseorang ahli arkeologi.

_____

(iii) Encik Ismail meminta kontraktor yang berpengalaman luas itu membina landskap di halaman rumahnya mengikut plan yang ditetapkan.

_____

[3 *markah*]

LIVEWORKSHEETS